



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden

DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden

KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden

MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)
SALIZA BT ABDULLAH
MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat

KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat

IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha

ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari

DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa

DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
MOHD YUSOFF B. M DAUD
ADNAN B. ABDULLAH
ADILA B. DATO' ABDULLAH
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN
TUDM(B)
MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA
DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU
DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalaman

MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur

DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor

DATUK SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Johor

DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak

ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Kelantan

AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang

MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang

MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Kedah & Perlis

DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Melaka

DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan

MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah

KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak

SHAHARUDDIN B. SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar

JEFF NOR JETTEY

“SEGERA / PENTING”

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2021(37)

31 JULAI 2021

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-37/2021: **STATUS PERKHIDMATAN INDUSTRI KAWALAN KESELAMATAN DI** **MALAYSIA DI BAWAH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) / PERINTAH** **KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Secara umumnya, Industri Kawalan Keselamatan merupakan antara perkhidmatan perlu (*essential service*) yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).

3. Susulan daripada aduan yang diterima daripada ahli-ahli PIKM berhubung kesulitan serta kompaun yang dikenakan ekoran kekeliruan kapasiti tenaga kerja operasi dan pengurusan serta ketiadaan dalam rekod CIMS MITI berkaitan alamat penugasan, maka PIKM telah mendapatkan pengesahan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti berikut:

3.1 Kapasiti **100%** kehadiran bagi pengawal keselamatan yang ditugaskan untuk mengawal premis-premis pelanggan **mengikut jumlah yang telah ditetapkan dalam kontrak;**

3.2 Kapasiti **60%** kehadiran bagi pekerja di peringkat pengurusan di **pejabat;**

3.3 Kelulusan beroperasi melalui sistem **CIMS MITI** berdasarkan alamat **Ibu Pejabat** serta cawangan yang diluluskan di dalam **sistem ESIMS** sahaja (Surat Edaran PIKM ke-23/2021 bertarikh 4 Jun 2021 juga berkaitan).

4. Bersama ini dilampirkan **Surat Pengesahan** oleh **KDN yang bertarikh 30 Julai 2021 berhubung perkara-perkara di atas** sebagai rujukan.

Untuk perhatian dan maklumat lanjut ahli-ahli PIKM.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a vertical line that loops around itself and extends horizontally to the right.

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN**



Ruj. Kami : KDN.KK.S.700-3/1/3
Tarikh : 30 Julai 2021

YBhg. Dato' Sri Ramli bin Yusoff
Presiden
Persatuan Industri Kawalan Keselamatan Malaysia (PIKM)
Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7
Kelana Business Centre,
Jalan SS 7/2, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

YBhg. Dato' Sri,

**OPERASI AGENSI PERSENDIRIAN DI BAWAH PELAN PEMULIHAN
NEGARA (PPN) / PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN
(PKPD)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' Sri sedia maklum, Industri Kawalan Keselamatan merupakan antara perkhidmatan perlu (*essential service*) yang dibenarkan beroperasi sepanjang pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) atau Perintah kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Kebenaran beroperasi ini juga mengambil kira kapasiti (100%) pengawal keselamatan yang ditugaskan untuk mengawal premis-premis mengikut jumlah yang telah ditetapkan di dalam kontrak. Manakala, kapasiti bagi pekerja di peringkat pengurusan di pejabat pula hanya terhad kepada 60% sahaja. Kebenaran beroperasi secara *full strength* di lapangan adalah untuk memastikan premis-premis yang dipertanggungjawabkan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan dikawal rapi. Rujukan terperinci boleh dibuat melalui SOP Kawalan Keselamatan Swasta PKP yang disiarkan di laman web Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 29 Mei 2021.

3. Lanjutan daripada kebenaran beroperasi sepanjang pelaksanaan PPN atau PKPD ini, syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang berdaftar dan dilesenkan oleh KDN diminta untuk memohon kebenaran beroperasi melalui

sistem CIMS 3.0 dengan mengisi alamat ibu pejabat serta cawangan-cawangan yang diluluskan di dalam sistem ESIMS ini sahaja.

4. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Dato' Sri boleh menghubungi Unit Agensi Persendirian, Bahagian Keselamatan di talian 03-8886 8572, 03-8886 8362, 03-8886 8553, 03-8886 8536 atau 03-8886 8311. Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Dato' Sri berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZULKIFLI BIN ABIDIN)

Bahagian Keselamatan

b.p: Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri